

31 MAY 2001

Mahathir-Gawai

PENGORBANAN SEMUA KAUM PERLU BAGI JAYAKAN CITA-CITA NEGARA

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan memerlukan pengorbanan semua kaum tidak kira daripada golongan majoriti atau minoriti bagi menjayakan cita-cita negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil meminta rakyat supaya jangan terlalu menumpukan perhatian kepada kaum masing-masing sahaja, Perdana Menteri berkata segala tindak-tanduk mereka mestilah dibuat untuk kebaikan seluruh masyarakat.

"Sikap kita yang toleran membolehkan kita mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara kaum. Mana-mana kaum, tidak kira kecil atau besar, tetap mendapat tempat dan hak yang sama di negara kita dan dijamin pula oleh kerajaan," katanya dalam perutusan Hari Gawai Dayak yang disambut esok.

Gawai merupakan hari kebesaran utama suku kaum Dayak terutamanya di Sarawak bagi menandakan permulaan musim menuai yang baru.

Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara berbilang kaum, Malaysia memerlukan perpaduan dan keharmonian bagi menjamin keamanan dan kestabilan untuk membolehkan kerajaan terus memajukan negara demi kemakmuran rakyat.

Semua kaum tidak kira Melayu, Cina, India, Dayak, Iban dan sebagainya bebas mengamalkan agama, budaya, bahasa dan adat resam masing-masing tanpa perlu berasa bimbang atau ditindas, kata Perdana Menteri.

"Tidak perlu kita berasa terpinggir atau kecil hanya kerana kita daripada kaum minoriti," katanya.

Dr Mahathir berkata di samping menjadi perayaan berunsurkan agama atau kepercayaan satu suku kaum sahaja, Gawai Dayak kini disambut meriah oleh semua kaum.

Beliau berkata jika dahulu perayaan itu hanya tertumpu di Sarawak sahaja, ia kini turut menjadi acara sambutan di pesta kebudayaan di negeri-negeri lain di Malaysia.

"Itulah istimewanya negara kita Malaysia dengan rakyatnya yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya. Kita saling hormat menghormati dan menerima perbezaan budaya dan adat resam masing-masing," katanya.

Dr Mahathir mahu rakyat Malaysia menggunakan peluang sempena sambutan Gawai Dayak untuk saling kunjung mengunjung bagi mengeratkan perpaduan sesama mereka.

-- BERNAMA

MAM ES MAI